



UPM Kenalpasti Potensi Tumbuhan Herba



Wartawan telah diberi penerangan mengenai tumbuhan herba di Taman Konservatori Pertanian, Institut Biosains UPM oleh Pegawai Sains, Julia Abdul Aziz dan Tajuddin Abdul Manap.

SERDANG, 26 Mei – Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubatan di Institut Biosains UPM untuk mengenalpasti kegunaan dan kaedah penanaman tumbuhan herba.

Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff berkata bengkel itu merangkumi latihan praktikal mengenai sumber baru tumbuhan ubatan di Malaysia dan mengenalpasti penggunaannya.

"Bengkel ini juga mendedahkan tentang industri herba semasa, tanaman aroma, pembiakbaian tumbuhan secara in vitro, pemakanan berasaskan herba, kebun dapur dan terdapat lawatan ke Taman Konservatori Pertanian (TKP)," katanya pada bengkel yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Dr. Fatimah berkata oleh kerana khasiat tumbuhan herba setakat ini adalah terhad untuk tujuan perubatan dan diamalkan oleh masyarakat setempat sahaja, penggunaan tumbuhan tersebut perlu disebarluaskan kepada masyarakat umum.

"Penggunaan tumbuhan herba telah meluas tetapi pengetahuan tentang khasiat sebenar dan cara penanaman yang betul masih tidak diamalkan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata seramai 49 peserta dalam kalangan ahli akademik, penyelidik, institut pengajian tinggi dan usahawan telah mengikuti bengkel selama dua hari.

Sementara itu, Penyelaras Unit Biodiversiti, Institut Biosains, Dr. Faridah Camaruz Zaman berkata Majlis kanser Nasional (MAKNA) turut membantu institut tersebut seperti memberi peruntukan untuk membuat penyelidikan terhadap kanser.

"Bantuan yang diberi sejak mula empat tahun yang lepas melibatkan beberapa penyelidikan pada tahap pre-klinikal.

"Kita juga sedang meneroka tumbuhan baru untuk mencari penawar kepada penyakit kanser dan membantu penyelidik dalam kajiannya," katanya.

Beliau berkata sebanyak 500 jenis tumbuhan asli dan eksotik telah ditanam dan dikaji di Taman Konservatori Pertanian UPM yang berkeluasan dua hektar.

Taman tersebut merupakan cetusan idea Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah pada tahun 2006 sebagai taman koleksi tumbuhan yang mempunyai nilai ekonomi dan boleh dirujuk serta dibangunkan bagi memastikan tumbuhan tersebut tidak kehabisan.



Pokok Mas Cotek yang banyak digunakan dalam industri ubatan bagi membantu mengekalkan kesihatan yang baik seperti peredaran darah yang sihat, anti-radang dan anti-rival.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.